



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI,  
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

Bahagian Pembangunan Francais  
Aras 5, (Blok Podium 1),  
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya.

Telefon 603-8882 5585 / 6207  
Faks 603-8882 5583  
Web <http://www.kpdnkk.gov.my>



Ruj.Kami: KPDN:BPF26/778/1 Kit.3 (25)  
Tarikh : 15 Jun 2010

**SEGERA DENGAN FAKS**

**SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN**

Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO 'FRANCHISE MALAYSIA'**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

- Untuk makluman Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) akan menganjurkan pertandingan mencipta logo 'Franchise Malaysia' yang melambangkan industri francais yang dinamik, berdaya tahan dan berdaya saing bagi mencetus idea baru yang kreatif dan inovatif di kalangan rakyat Malaysia amnya dan golongan belia khususnya.
- Pertandingan mencipta logo 'Franchise Malaysia' ini adalah salah satu usaha Kerajaan untuk menggalakkan orang ramai mengetahui dengan lebih lanjut mengenai industri francais negara. Dengan adanya logo 'Franchise Malaysia' sebagai identiti perniagaan francais akan memudahkan orang ramai mengenalpasti perniagaan yang mengamalkan sistem francais di samping mengelakkan penipuan terhadap bakal-bakal francais.
- Pertandingan ini terbuka kepada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas terutamanya pelajar-pelajar institusi pengajian awam dan swasta bagi menggalakkan daya kreativiti dan inovasi golongan belia. Pertandingan ini menawarkan hadiah wang tunai sebanyak **RM10,000.00** kepada pemenang yang terpilih. Butiran lanjut terma rujukan dan syarat-syarat penyertaan adalah seperti di **Lampiran A**.

10 | 11 | 12

TEK

JUN 2010

MAJ  
- (P. CAKIL)

11

5. Sehubungan itu, adalah dipohon kerjasama pihak Y.Bhg. Tan Sri /Datuk/Dato'/Tuan/Puan memanjangkan jemputan pertandingan ini kepada pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi di bawah kelolaan Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

6. Bersama-sama ini juga dikemukakan borang pertandingan seperti di **Lampiran B** untuk perhatian dan rujukan pihak Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan jua. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini bolehlah hubungi urusetia di talian 03-88826199 (Pn. Noor Azila Shafie) atau emel ke [azila@kpdnkk.gov.my](mailto:azila@kpdnkk.gov.my).

Segala kerjasama pihak Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan terhadap perkara ini didahului dengan ribuan terima kasih.

Sekian

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"KUASA PENGGUNA : 1 PENGGUNA, 1 SUARA"**

Saya yang menurut perintah



**(NOREEN HAIZA KHAIRUDIN)**

Bahagian Pembangunan Francais

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

s.k.

Y.Bhg. Datuk KSU

Y.Bhg. Dato' TKSU (PDN)

Pengarah (BPF)

SUB (KPK)



# Pertandingan Mencipta Logo FRANCAIS MALAYSIA KEBANGSAAN

**Hadiah Wang Tunai RM10,000 Menanti Anda!**

Tujuan Logo :

- (i) Sebagai identiti perniagaan francais;
- (ii) Memudahkan orang ramai mengenalpasti perniagaan yang mengamalkan sistem perniagaan francais; dan
- (iii) Mengelakkan penipuan terhadap bakal-bakal francais

## BORANG PENYERTAAN

NAMA

NO. K.P

ALAMAT

NO. TEL.

E-MEL

### SYARAT-SYARAT PENYERTAAN:

1. Penyertaan terbuka kepada semua warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas.
2. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Hanya SATU logo akan dipilih sebagai pemenang utama.
3. Rekabentuk logo hendaklah hasil ciptaan yang asli dan mengikut kreativiti masing-masing.
4. Logo yang dikemukakan mestilah kreatif, inovatif dan serta melambangkan industri francais yang dinamik, berdaya saing, berdaya tahan dan mempunyai personaliti Malaysia.
5. Logo yang dikemukakan mestilah disertai dengan penjelasan maksud logo.
6. Logo yang dikemukakan mestilah menggunakan elemen warna bendera Malaysia.
7. Logo yang dikemukakan perlu mempunyai perkataan Franchise Malaysia dalam dua (2) bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
8. Rekabentuk logo hendaklah dalam saiz A4.
9. Semua logo yang dihantar adalah Hak Milik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).
10. Peserta hendaklah mengembalikan borang penyertaan dalam bentuk 'soft copy' dan 'hard copy'.
11. Tarikh akhir penghantaran adalah **sebelum atau pada 12 Julai 2010**.

Penyertaan hendaklah dialamatkan kepada:-

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN,  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN FRANCAIS,  
ARAS 5, BLOK PODIUM,  
NO.13, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
62623 PUTRAJAYA.  
Tel: 03-8882 5585 Faks: 03-8882 5583  
Website: [www.kpdnkk.gov.my](http://www.kpdnkk.gov.my)

**TERMA RUJUKAN DAN SYARAT-SYARAT PENYERTAAN  
PERADUAN MENCIPTA LOGO FRANCHISE MALAYSIA**

**Syarat-Syarat Pertandingan:**

1. **TERBUKA** kepada semua warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas.
2. Setiap peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Hanya **SATU** logo akan dipilih sebagai pemenang utama.
3. Rekabentuk logo hendaklah hasil ciptaan yang **ASLI** dan mengikut **KREATIVITI** masing-masing.
4. Setiap logo yang dikemukakan perlu mempunyai perkataan **FRANCHISE MALAYSIA** dalam **dua (2) bahasa** iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
5. Logo yang dikemukakan mestilah kreatif, inovatif dan moden serta melambangkan industri francais yang dinamik, berdaya saing, berdaya tahan dan mempunyai personaliti Malaysia.
6. Rekabentuk logo hendaklah menggunakan **ELEMEN WARNA YANG TERDAPAT PADA BENDERA MALAYSIA**.
7. Setiap penyertaan yang dihantar mestilah disertakan dengan **PENJELASAN** maksud logo.
8. Rekabentuk logo hendaklah dalam saiz **A4**.
9. Semua logo yang dihantar adalah **Hak Milik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)**. Pihak Kementerian berhak untuk menggunakan atau mempamerkan logo yang telah dipilih dalam mana-mana acara.
10. Setiap peserta hendaklah mengembalikan borang penyertaan dalam bentuk '**soft copy**' dan '**hard copy**'.
11. Keputusan akhir pemilihan oleh panel penilai adalah **MUKTAMAD**.
12. Tarikh akhir penghantaran penyertaan adalah **sebelum atau pada 12 Julai 2010**.
13. Setiap penyertaan hendaklah dialamatkan kepada:

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGGUNAAN,  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN FRANCAIS,  
ARAS 5, BLOK PODIUM,  
NO.13, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,  
62623 PUTRAJAYA.  
Tel : 03-8882 5585      Faks : 03-8882 5583  
Website : [www.kpdnkk.gov.my](http://www.kpdnkk.gov.my)**